

# Cagamas akan perkenal skim perkongsian ekuiti perumahan

**KUALA LUMPUR:** Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd (Cagamas) kini dalam proses memperkenalkan program perkongsian ekuiti perumahan dan menyasarkan pelan tindakan berkaitan siap menjelang akhir 2019.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata pihaknya pada masa ini sedang meneliti kaedah untuk memperkenalkan program serupa yang dilaksanakan di United Kingdom dan Australia agar menepati senario perumahan di Malaysia.

“Kami berharap dapat menyiapkan pelan tindakan itu menjelang akhir tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media di luar Persidangan Perumahan Mampu Milik anjuran Cagamas dan Kumpulan Bank Dunia di sini, semalam.

Semalam merupakan hari pertama bagi persidangan dua hari yang bertemakan ‘Constructing and Financing Affordable Housing Across Asia’ (Pembiayaan dan Pembiayaan Rumah Mampu Milik Di Sekitar Asia)

Sementara itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berkata mengikut program yang dicadangkan kepada Kementerian



**ZURAIDA** (berdiri tengah) pada majlis menandatangani MoU antara Chung (duduk, dua kiri) bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kewangan Perumahan Korea, Jung Hwan Lee (depan, dua kanan) di Sasana Kijang pada Selasa. — *Gambar Bernama*

itu, Cagamas akan menyalurkan 20 peratus daripada deposit bagi pihak pembeli manakala baki 80 peratus disediakan oleh pihak bank.

Cadangan lain skim itu turut membabitkan pembiayaan alternatif yang mana Cagamas akan membantu memberi jaminan sehingga 100 peratus daripada harga rumah tersebut.

“Kita berharap skim yang dicadangkan kini dapat membantu kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang tidak mendapat bantuan kewangan pelbagai institusi kewangan sebelum

ini,” katanya.

Selain itu, Zuraida berkata sejajar usaha melengkapkan skim sewa milik (RTO) yang kini dilaksanakan, pihak Kementerian itu berusaha mencari pelabur termasuk kalangan pelabur asing yang berminat menjadi pembiaya bagi menanggung bayaran sewa selama tiga hingga lima tahun.

Jelas beliau, pelabur tersebut tidak perlu aktif sepanjang tempoh pembinaan selama tiga sehingga tiga setengah tahun tersebut.

“Sebagai pembiaya, mereka akan meletakkan wang dalam

Cagamas terlebih dulu sebelum disalurkan (kepada penerima),” katanya.

Malah, beliau berkata, antara pihak yang menunjukkan minat terhadap usaha itu adalah dari Korea Selatan, negara Timur Tengah serta China.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan akan turut menyertai delegasi kunjungan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ke Beijing, China, pada bulan ini termasuk membabitkan pemeteraian beberapa memorandum persefahaman dengan agensi pembiayaan China. — *Bernama*